

# PERKASA SUMBANGAN ALUMNI

» *Graduan **digesa kembali berbakti**  
bantu kecemerlangan universiti*

Oleh **Khairunnisa Kamarudin**  
nisa.kamarudin@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**U**mum menganggap alumni ialah satu kumpulan berkaitan dengan sekolah, kolej atau universiti yang hanya sekali bertemu untuk bertanya khabar dan mengikuti aktiviti sosial.

Hakikatnya, alumni adalah aset berharga kepada pihak sekolah dan universiti dalam membantu usaha meningkatkan kecemerlangan institusi masing-masing melalui aktiviti serta program yang boleh diusahakan bersama.

Alumni universiti contohnya, mampu berfungsi sebagai platform mengeratkan hubungan antara alumni dan universiti untuk faedah bersama membangunkan



kecemerlangan universiti.

Presiden Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail (**gambar**), berkata graduan sewajarnya menyedari kepentingan peranan mereka dalam memberikan sumbangan bakti tenaga serta kepakaran kepada universiti secara berterusan dan strategik.

# Kekalkan hubungan dengan 'alma mater'

## ● Dari muka 1

"Kebanyakan graduan selepas tamat pengajian lebih senang bersikap 'tidak ambil tahu' mengenai universiti dan hanya sesekali menghadiri perjumpaan sosial menerusi acara makan malam atau aktiviti sukan bersama-sama rakan sekuliah.

"Hakikatnya, fungsi alumni lebih daripada itu termasuk berkongsi kepakaran dan kemahiran bersama dengan universiti dan bakal graduan untuk kecemerlangan universiti serta peningkatan diri serta kerjaya bakal graduan kelak," katanya.

Mendedahkan hanya sege-lintir alumni yang aktif berbanding ratusan ribu alumni yang dilahirkan universiti

setakat ini, beliau mengakui mentaliti sebegitu perlu diubah termasuk menanam keinginan untuk membalas jasa kepada universiti.

Katanya, sikap kembali berbakti dan bersyukur kepada universiti ialah suatu usaha murni yang sepatutnya hadir dalam diri alumni bagi mengekalkan hubungan dengan 'alma mater'.

## Pintu terbuka

"Pintu universiti sentiasa terbuka dan kita sangat mengalu-alukan khidmat bakti alumni untuk bekerjasama dengan universiti.

"Persatuan alumni di setiap universiti pula seharusnya menyokong untuk merealisasikan hasrat dalam memberi sumbangan kepada pembangunan universiti dan kebajikan pela-

jar," katanya.

Syed Razlan berkata, sumbangan alumni boleh disalurkan dalam pelbagai bentuk termasuk sumbangan kewangan bagi mengukuhkan dana universiti yang sedia ada selain membantu universiti memperoleh input baharu bersesuaian bagi memastikan program ditawarkan memenuhi keperluan pasaran.